

Mengaku salah sebabkan budak positif dadah

Peniaga kena
penjara tiga
tahun, bon
berkelakuan baik

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
dan Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Seorang peniaga dipenjara tiga tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan mendedahkan kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun dengan dadah jenis methamphetamine dan heroin di Kampung Sri Jaya, Kuala Krai, 18 Jun lalu.

Mohd Shahrizuan Alias, 32, mengaku bersalah sejurus pertuduhan dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiquddin Zulkifli.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun sembilan bulan, mendedahkan mangsa yang juga orang kurang upaya (OKU) kepada sesuatu yang membahayakan tubuh badan, iaitu dadah berbahaya jenis methamphetamine dan heroin sehingga menyebabkan mangsa mengalami 'drug toxicity'.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di tepi sungai Kampung Sri Jaya, Mahligai, Dabong, Kuala Krai jam 3 petang pada 18 Jun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang boleh dihukum



Mohd Shahrizuan tiba di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

mengikut Seksyen 31(1) akta sama yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun atau keduanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Wan Nurul Hanini Wan Ahmad Shukry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Wan Nurul Hanini memohon hukuman setimpal dikenakan mengambil kira kesalahan tertuduh yang mendedahkan mangsa kepada perkara berbahaya, selain mangsa OKU.

Mohd Shahrizuan bagaimanapun memohon hukuman ringan dikenakan memandangkan perlu menyera keluarga dan mempunyai dua anak kecil.

Mahkamah kemudian memrintahkan hukuman penjara tiga tahun dari tarikh ditangkap dan bon berkelakuan baik dengan cagaran RM3,000 serta seorang penjamin selama tiga tahun dan turut

diperintah menjalani khidmat masyarakat selama 180 jam.

Sementara itu, ibu kepada kanak-kanak berkenaan berharap hukuman itu jadi pengajaran kepada semua, walaupun beranggapan hukuman diterima tertuduh berbanding keadaan anaknya yang sehingga kini masih lemah.

Wanita berusia 36 itu berkata, sehingga kini tiada seorang pun waris suspek yang juga saudaranya menghubungi atau menziarah anaknya untuk bertanya khabar.

Katanya, dia tidak mahu terlalu memikirkan perkara lain sebaliknya menumpukan kepada perkembangan kesihatan anaknya yang masih menerima rawatan di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

"Saya baru tahu mengenai hukuman yang dijatuhkan kepada saudara (tertuduh) dan tidak pasti sama ada ia setimpal atau tidak dengan apa yang dilakukannya," katanya.